



Rumah kelahiran negarawan

BH 31/10/2003 - 29 PRECISE

Oleh Johari Ibrahim

RUMAH papan beratap nipah di nombor 18, Jalan Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Star, Kedah, menjadi saksi kepada kelahiran seorang bayi lelaki hasil perkongsian hidup Mohamad Iskandar dan Wan Tempawan Wan Hanafi pada 20 Disember 1925.

Tidak terfikir oleh masyarakat sekeliling pada ketika itu seorang daripada penghuni rumah berkenaan adalah bakal negarawan ulung yang disanjung di dalam dan luar negara, khususnya rakan sejawatnya dalam Asean.

Bayi lelaki itu yang dinamakan Mahathir kemudian terus membesar di situ bersama lapan lagi adik-beradik.

Putera lelaki itu dikenali sebagai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang keempat menerajui negara sejak 18 Julai 1981 sehingga 31 Oktober 2003.

Rumah yang menjadi tempat Dr Mahathir mula melihat dunia dalam persekitaran kemiskinan dan kemunduran orang Melayu ketika itu kini terus dipulihara oleh Arkib Negara untuk tatapan generasi mendatang. Dari kediaman itu, Dr Mahathir berulang-alik ke Sekolah Melayu Laki-Laki Seberang Perak ketika zaman sekolah rendahnya sebelum menyambung pengajian menengahnya di Sekolah Ingeris Sultan Abdul Hamid College (SAHC) – kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid di Jalan Langgar, Alor Star.

Pengajian menengah Dr Mahathir tergendala apabila tentera Jepun menguasai Tanah Melayu menyebabkan beliau terpaksa mengisi masa lapang dengan menjual minuman dan buah-buahan di Pekan Rabu, Alor Star kira-kira tiga kilometer dari Seberang Perak. Beliau kemudian menyambung persekolahannya di SAHC pada tahun 1945 selepas tamat perang dunia kedua sehingga peringkat Senior Cambridge dan melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII, Universiti Malaya Singapura pada 1947.

Kini, rumah kelahirannya itu meninggalkan nostalgia kepada rakyat, khususnya penduduk Kedah kerana di situlah bermulanya kehidupan se-

Kompleks Rumah Kelahiran dilengkapi dua rumah lain yang dibina khusus untuk pameran pembabitan Dr Mahathir dalam dunia perubatan dan politik

orang pemimpin kebanggaan negara. Bagi rakyat Kedah, rumah itu adalah lambang kebanggaan kerana Dr Mahathir adalah Perdana Menteri kedua selepas Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang berasal dari negeri Jelapang Padi itu.

Tidak memadai jika sekadar membaca buku mengenai diri pemimpin itu melainkan kita mengunjung sendiri rumah yang menjadi tempat kelahiran beliau.

Kawasan rumah berkenaan yang kini dinamakan Kompleks Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad turut dilengkapi dengan dua rumah lain yang dibina khusus untuk pameran pembabitan Dr Mahathir dalam dunia perubatan dan politik.

Turut disediakan ialah tayangan video mengenai pemimpin itu.

Kompleks itu kini menjadi destinasi pelancong yang mahu melihat sendiri persekitaran Dr Mahathir dibesarkan.

Meneliti rumah kayu itu, dapat dibayangkan betapa kesukaran pelajar yang sezaman dengan Dr Mahathir menuntut ilmu yang bukan saja memerlukan kesabaran, tetapi juga kecekalan tinggi untuk berjaya dalam persekitaran yang serba kekurangan.

Rumah kayu asal beratap nipah yang dibina pada tahun 1900 itu dibeli ayahnya, Mohamad Iskandar, daripada seorang peniaga sebelum dibesarkan dengan menambah beberapa ruang lain.

Ketika rumah itu dibeli, ia tidak bertanggung di hadapan dan mempunyai hanya satu bilik selain tidak mempunyai kemudahan elektrik mahakala lantainya papan dan anjung bersilingskan kain ombak-ombak.

Apabila Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada 1981, rumah kelahiran beliau itu dianggap sebagai aset sejarah untuk tatapan dan kenangan pada masa akan datang.

Justeru, Lembaga Muzium Negeri Kedah (LMNK) mencadangkan supaya rumah itu dibaikpulihan. Projek berkenaan terletak di bawah projek Arkib Perdana Menteri.

LMNK mendapat kebenaran bertulis daripada Dr Mahathir dan saudara-maranya melalui surat bertarikh 29 Jun 1990 untuk rumah itu dibaikpulihan bagi maksud pemuliharaan dalam aspek sejarah.

Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad diperoleh Arkib Negara pada November 1991 dan kerja baikpulihan dimulakan pada Mei 1992.

Memasuki saja Rumah Kelahiran



PANDANGAN bahagian depan rumah kelahiran Mahathir di Lorong Kilang Ais Seberang Perak, Alor Star.

Mahathir Mohamad, kita akan dipamerkan peralatan asal atau yang sejenis dengan bahan kepunyaan keluarga Dr Mahathir.

Turut dipamerkan ialah 16 rencana Dr Mahathir yang ditulis di *Straits Times* Singapura menggunakan nama pena Che Det.

Di rumah itu juga terdapat bahan berkaitan sejarah hidup Dr Mahathir sejak lahir sehingga berkahwin dengan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Sebahagian bahan diperoleh dari saudara mara dan sahabat beliau.

Rumah itu mempunyai tiga ruang

utama iaitu serambi, ruang tengah dan bilik tidur.

Ruang serambi menjadi galeri detik hidup Dr Mahathir dari kecil hingga dewasa, ruang tengah memaparkan kisah hidupnya pada zaman persekolahan sehinggalah berjaya menjadi doktor.

Juga dua bilik tidur kakak Dr Mahathir, bilik ibu dan ayah dengan katil besi dan bantal besar, bilik keluarga yang dijadikan ruang makan dan mengaji al-Quran serta bilik tidur yang dikenal pasti sebagai tempat Dr Mahathir dilahirkan.


Bahagian dapur pula memperlihatkan keadaan dan kelengkapan dari jenis yang digunakan dalam kehidupan seharian keluarga Dr Mahathir.

Peralatan dapur seperti dapur kayu, periuk tanah, pinggan mangkuk dan almari menyimpan lauk-pauk juga dapat dilihat di ruang dapur.

Sementara luarnya pula diletakkan kawah mengcau lempuk, lesung hindik, kepuk padi dan basikal kegemaran Dr Mahathir serta lanca yang dikatakan digu-

nakan Dr Mahathir berulang-alik ke sekolah.

Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad dibuka kepada orang ramai pada setiap hari dan masuk adalah percuma di antara hari Sabtu dan Khamis jam 9 pagi hingga 6 petang) manakala Jumaat (9 pagi-12 tengah hari dan 3 petang-6 petang).



Malaysia adalah kawasan pertumbuhan paling pantas di bawah kepemimpinan Dr Mahathir dan dinamik. Kami mesti mempelajari cara Malaysia.

Bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela

Ucapan Dr Mahathir tiada unsur diskriminasi antara manusia tetapi menyatakan realiti. Mereka yang menakluk dan membunuh orang Islam, mereka pula menuduh kita sebagai pengganas.

Ketua Biro Politik, Pertubuhan Pembebasan Palestin, Farouk Kaddoumi